

# PERBARISAN KOMANDER PANGKALAN UDARA KUCHING

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2894-perbarisan-komander-pangkalan-udara-kuching-3](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2894-perbarisan-komander-pangkalan-udara-kuching-3)

KUCHING, 15 Jan 18 – Perbarisan Bulanan Komander Pangkalan telah diadakan di perkarangan Markas Pangkalan Udara yang diketuai oleh Mej Jaafar bin Mohamed Taib TUDM.

Dalam perbarisan tersebut, YBhg Kol Yee Yit Hong telah menyempurnakan pemakaian pangkat kepada PW U II Willie anak Charlie, PW U II Jefry anak Taek dan PW U II Jackson anak Joseph yang dinaikkan ke pangkat Pegawai Waran I. Manakala Sjn Joey anak Joseph dinaikkan ke pangkat Flait Sarjan. Penyampaian Sijil Khidmat Terpuji turut disampaikan kepada FSjn Mardianto bin Samidi, FSjn Abd Rashid bin Hamid dan Sjn U Syraadan bin Mohd Ridzuan.

Komander Pangkalan mengucapkan tahniah kepada anggota yang telah dinaikkan pangkat serta penerima Sijil Khidmat Terpuji. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada warga PU Kuching kerana dapat mengekalkan kecemerlangan dalam aspek kesiapsiagaan, audit-audit luaran, sukan dan penganjuran aktiviti TUDM dan ATM sepanjang tahun 2017.

Komander Pangkalan turut menegaskan bagi merealisasikan visi “Kuasa Udara yang Unggul” selaras dengan enam teras Perintah Ulung PTU iaitu; Kesiagaan, Budaya Senggaraan yang Efektif, Semarak Pembangunan Modal Insan, Pemindahan Teknologi, Budaya Pengurusan Cemerlang dan Kebajikan Warga setiap anggota perlu Berminda Operasi dan memantapkan budaya kerja berpasukan agar visi dan misi ini akan tercapai.

Beliau juga mengingatkan agar semua anggota mempraktikan budaya “Betulkan Yang Biasa dan Biasakan Yang Betul” serta Skill, Interest, Knowledge, Attitude and Procedure untuk mengekalkan kecemerlangan pada tahun 2018.



Di samping itu beliau juga menerangkan aspek kebajikan warga ATM yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan iaitu Blueprint Agenda Pendidikan, Pelan Transformasi Perkhidmatan Kesihatan, Transformasi Pernama, Projek Rumah Keluarga Angkatan Tentera, Inisiatif Feri Sekolah dan Projek Satu Anggota Satu Rumah.

